

Pelajar baharu UMS Labuan perlu kuasai Bahasa Inggeris

OLEH JAINUDIN DJIMIN
jainudin@newsabah-times.com.my

LABUAN: Pengurus Lemba-ga Pengaruh Universiti (LPU) UMS, Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi mensasihatkan pelajar baharu Universiti Malaysia Sabah, Kampung Antarabangsa Labuan (UMSKAL) supaya menguasai Bahasa Inggeris bagi memudahkan mereka memahami pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang diajar pensyarah di bilik kuliah.

Selain itu, beliau juga mahu mereka menguasai dan mempelajari bahasa antara-bangsa yang lain termasuk Bahasa Mandarin, Jepun dan India serta Arab.

"Kalau kita menguasai lebih banyak bahasa, lebih mudahlah kita berinteraksi dengan masyarakat antara-bangsa selain memahami pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di hadapan kira-kira 600 pelajar baharu UMS Labuan pada Majlis Ramah Mesra Pengurus LPU UMS Bersama Pelajar Baharu UMS Labuan Sesi 2016/207 di Dewan Kuliah Pusat (DKP), Selasa lalu.

Turut hadir Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof Madya Dr Ismail Ali, Pendafiar UMS, No'man Datuk Haji Ahmad dan Pengaruh UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik.

Hadir sama Ahli-Ahli LPU UMS, Pegawai-Pegawai Utama UMS dan pegawai kanan UMS Labuan.

Tun Zaki berada di Kam-pus Labuan untuk mempergerakkan Mesyuarat LPU UMS Ke-74 Bil. 5/2016.

Pada majlis itu, Tun Zaki berkongsi pengalaman mengenai kerjaya seorang hakim dan memberikan pandangan

beliau mengenai ekonomi negara.

Tun Zaki tidak lupa mengingatkan pelajar baharu supaya sentiasa meningkatkan prestasi pembelajaran mereka ke arah lebih cemerlang.

Katanya, dalam tempoh tiga hingga empat tahun di UMS Labuan, mereka perlu memberikan fokus dan serius menghadapi pelbagai cabaran dalam bidang akademik dan kehidupan sehari-hari.

"Kalau sudah memperolehi keputusan yang baik, pelajar harus memastikan prestasi itu kekal dan terus meningkat pada setiap masa. Kita jangan berpuas hati dengan pencapaian cukup makan sahaja," katanya.

Kata Tun Zaki, pelajar harus belajar bersungguh-sungguh bukan sahaja untuk memperolehi segulung ijazah tetapi mampu menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara serta mas-yarakat.

Tambahan, pasaran kerja pada masa akan datang menuntut pelajar institusi pengajaran tinggi lebih berdaya saing bukan sahaja dengan pelajar tempatan tetapi juga pelajar antarabangsa.

Beliau juga mahu pelajar memiliki sikap keyakinan diri yang tinggi termasuk mampu bertanya soalan dan memberikan pendapat yang bermas selaras dengan kedudukan mereka sebagai pelajar berpendidikan tinggi.

"Jangan malu bertanya atau memberikan pandangan ketika diadakan dialog atau semasa di kelas," katanya.

Tun Zaki tidak lupa mengingatkan pelajar supaya sentiasa menjaga nama baik dan imej universiti serta nama keluarga yang sentiasa mengharapkan mereka mampu menghasilkan keputusan yang terbaik dalam pengajaran mereka di Fakulti Kewangan Antara-bangsa Labuan (FKAL) dan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI).



KENANGAN ... Tun Zaki (tengah) bergambar kenangan bersama pelajar baharu UMS Kampung Antarabangsa Labuan, kelmarin. Turut kelihatan Prof Datuk Dr Mohd Harun (belakang) dan Dr Murnizam (tiga kanan).



PENUH PERHATIAN ... pelajar baharu tumpukan perhatian sepenuhnya ketika mendengar ucapan Tun Zaki.